

PERATURAN PERTANDINGAN

1. MUHAWARAH

- 1.1. Setiap daerah diwakili oleh peserta dari kumpulan yang terdiri daripada dua (2) orang murid lelaki dan dua (2) orang murid perempuan.
- 1.2. Peserta terdiri daripada murid tahap satu berumur tujuh (7) hingga sembilan (9) tahun yang didaftarkan di salah sebuah **SRA/ SRAI/ KAFAI/ SRI di Negeri Selangor Darul Ehsan**.
- 1.3. Penyampaian adalah dalam Bahasa Arab.
- 1.4. Peserta hendaklah menyampaikan persembahan dengan memilih salah satu TEMA yang ditetapkan seperti berikut :

المدرسة - الرياضة - السو - المسجد - الوطن

- 1.5. Peserta dibenarkan menggunakan alat bantu.
- 1.6. Peserta tidak dibenarkan melihat teks semasa pertandingan dijalankan.
- 1.7. Teks muhawarah hendaklah disampaikan kepada urusetia satu (1) minggu sebelum pertandingan dijalankan. Teks yang telah dihantar akan dianggap sebagai teks rasmi pertandingan dan tidak boleh ditukarganti.
- 1.8. Peserta akan menyampaikan persembahan mengikut giliran yang telah diundi oleh pengurus atau peserta sendiri. Undian tidak boleh ditukar ganti. Peserta yang lewat akan diundi oleh urusetia.
- 1.9. Guru tidak dibenarkan membantu dan memberikan sebarang arahan secara lisan atau bahasa badan kepada peserta dalam bilik pertandingan.
- 1.10. Masa yang diperuntukkan bagi setiap kumpulan ialah **tujuh (7) minit**.
- 1.11. Peserta dibenarkan berpakaian bebas mengikut syarak.
- 1.12. Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh di dipertimbangkan penyertaan oleh penyelaras Dewan.
- 1.13. Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 1.14. Keputusan hakim adalah **muktamad**.

2. BERCERITA DARI AL QURAN

- 2.1. Setiap daerah diwakili oleh seorang (1) murid lelaki dan seorang (1) murid perempuan.
- 2.2. Peserta terdiri daripada murid tahap satu berumur tujuh (7) hingga sembilan (9) tahun yang didaftarkan di salah sebuah **SRA/ SRAI/ KAFAI/ SRI di Negeri Selangor Darul Ehsan**.
- 2.3. Peserta bebas memilih tajuk yang berkaitan dengan petikan ayat-ayat Al Quran.
- 2.4. Peserta dibenarkan menggunakan alat bantu.
- 2.5. Teks bercerita hendaklah disampaikan kepada urusetia satu (1) minggu sebelum pertandingan dijalankan. Teks yang telah dihantar akan dianggap sebagai teks rasmi pertandingan dan tidak boleh ditukarganti.
- 2.6. Peserta akan menyampaikan persembahan mengikut giliran yang telah diundi oleh pengurus atau peserta sendiri. Undian tidak boleh ditukar ganti. Peserta yang lewat akan diundi oleh urusetia.
- 2.7. Guru tidak dibenarkan membantu dan memberikan sebarang arahan secara lisan atau bahasa badan kepada peserta dalam bilik pertandingan.
- 2.8. Masa yang diperuntukkan bagi setiap peserta ialah **tujuh (7) minit**.
- 2.9. Peserta dibenarkan berpakaian bebas mengikut syarak.
- 2.10. Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh di dipertimbangkan penyertaan oleh penyelaras Dewan.
- 2.11. Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 2.12. Keputusan hakim adalah **muktamad**.

3. NASYID

- 3.1. Setiap daerah diwakili oleh satu (1) kumpulan murid lelaki dan satu (1) kumpulan murid perempuan.
- 3.2. Setiap kumpulan dianggotai oleh SEPULUH (10) orang peserta yang terdiri daripada murid tahap dua (2) yang didaftarkan di salah sebuah **SRA/ SRAI/ KAFAI/ SRI di Negeri Selangor Darul Ehsan.**
- 3.3. Setiap kumpulan dikehendaki menyampaikan dua (2) buah nasyid :
 - A) Nasyid pertama : Lirik disampaikan dalam Bahasa Arab.
Senikata mengandungi unsur Salawat ke atas Nabi.
 - B) Nasyid kedua : Berirama bebas, berbentuk kontemporari moden dan lirik lagunya hendaklah berunsur dakwah.
- 3.4. Tiada pergerakan anggota badan kecuali tangan, kepala dan gerak kaki secara *tapping* semasa membuat persembahan.
- 3.5. Lima (5) alat muzik yang disenaraikan sahaja, dibenarkan. (**Kompang, Bonggo, Kongga, Yenki, Turki, Tamborin, Shaker, Darbuka dan Marakas**). Penggunaan muzik 'minus one' tidak dibenarkan. (**Rujuk Lampiran A**)
- 3.6. Peserta akan menyampaikan persembahan mengikut giliran yang telah di undi oleh pengurus atau peserta sendiri. Undian tidak boleh ditukar ganti. Peserta yang lewat akan diundi oleh urusetia.
- 3.7. Masa yang diperuntukkan bagi setiap kumpulan ialah lima belas (15) minit termasuk persiapan peralatan.
- 3.8. Muzik pembukaan dan penutup dilarang sama sekali dan boleh menjejaskan pemarkahan.
- 3.9. Teks Nasyid disediakan dengan kemas, diserahkan kepada urusetia satu (1) minggu sebelum pertandingan dijalankan. Teks yang telah dihantar akan dianggap sebagai teks rasmi pertandingan.
- 3.10. Peserta hendaklah memakai pakaian rasmi SRA/ SRAI JAIS (Berbaju putih Bersampin/berkain Hijau tanpa lencana dan rozek).
- 3.11. Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh di dipertimbangkan penyertaan oleh penyelaras Dewan.
- 3.12. Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 3.13. Keputusan hakim adalah **muktamad**.

LAMPIRAN A:
Alatan Muzik Yang Dibenarkan Dalam Nasyid



Marakas



bonggo



Congga



shaker



Turkey / darbuka/ yenki



Tamborin



Kompang

4. HAFAZAN DAN TERJEMAHAN

- 4.1. Setiap daerah diwakili oleh seorang (1) murid lelaki dan seorang (1) murid perempuan.
- 4.2. Peserta terdiri daripada murid tahap satu berumur tujuh (7) hingga sembilan (9) tahun yang didaftarkan di salah sebuah **SRA/ SRAI/ KAFAI/ SRI di Negeri Selangor Darul Ehsan**.
- 4.3. Peserta dikehendaki menyampaikan bacaan melalui 3 peringkat :

PERINGKAT	1	2	3
ARAHAN	Bacaan wajib	Membaca salah satu surah berikut secara undian.	Membaca salah satu surah berikut dari awal hingga akhir secara undian diikuti terjemahan.
SURAH	AlFatihah	Al A'la اﻻﻋﻠﻰ	Al Fiil الفيل
		Ad Dhuha الضحى	Al Masad المسد
		Al Qori'ah القارعة	An Nasr النصر

- 4.4. Terjemahan yang disampaikan hendaklah menggunakan 'Tafsir Pimpinan Ar Rahman' sahaja.
- 4.5. Peserta akan menyampaikan hafazan dan terjemahan mengikut giliran yang telah diundi oleh pengurus atau peserta sendiri. Undian tidak boleh ditukar ganti. Peserta yang lewat akan diundi oleh urusetia.
- 4.6. Peserta dikehendaki duduk ketika membaca dan menterjemah surah yang diundi.
- 4.7. Undian surah akan dilakukan oleh peserta di dalam dewan pertandingan sebelum menyampaikan persembahan.
- 4.8. Peserta hendaklah memakai pakaian rasmi SRA/ SRAI JAIS (Berbaju putih Bersampin/berkain Hijau tanpa lencana dan rozek).
- 4.9. Guru tidak dibenarkan membantu dan memberikan sebarang arahan secara lisan atau bahasa badan kepada peserta dalam bilik pertandingan.

- 4.10. Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh di dipertimbangkan penyertaan oleh penyelaras Dewan.
- 4.11. Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 4.12. Keputusan hakim adalah **muktamad**.

5. HAFAZAN DAN TAFSIRAN

- 5.1. Setiap daerah diwakili oleh seorang (1) murid lelaki dan seorang (1) murid perempuan.
- 5.2. Peserta terdiri daripada murid tahap dua berumur sepuluh (10) hingga dua belas (12) tahun yang didaftarkan di salah sebuah **SRA/ SRAI/ KAFA Integrasi di Negeri Selangor Darul Ehsan**.
- 5.3. Peserta dikehendaki menyampaikan bacaan melalui 2 peringkat :

PERINGKAT	1	2
ARAHAN	Bacaan wajib	Membaca salah satu surah berikut dari awal hingga akhir secara undian diikuti tafsiran
SURAH	Al Fatihah	Al Buruj
		Al Insyiqoq
		Al Ghasiah
		Al Balad
		Al A'la

Tafsiran hendaklah disampaikan dalam tempoh **dua (2) minit**.

- 5.4. Teks tafsiran yang disediakan secara kemas hendaklah disampaikan kepada urusetia satu (1) minggu sebelum pertandingan dijalankan. Teks yang telah dihantar akan dianggap sebagai teks rasmi pertandingan dan tidak boleh ditukarganti.
- 5.5. Peserta akan menyampaikan persembahan mengikut giliran yang telah diundi oleh pengurus atau peserta sendiri. Undian tidak boleh ditukar ganti. Peserta yang lewat akan diundi oleh urusetia.
- 5.6. Peserta dikehendaki duduk ketika membaca dan mentafsir surah yang diundi.

- 5.7. Undian surah akan dilakukan oleh peserta di dalam dewan pertandingan sebelum menyampaikan persembahan.
- 5.8. Peserta tidak dibenarkan melihat teks semasa pertandingan dijalankan.
- 5.9. Peserta hendaklah memakai pakaian rasmi SRA/ SRAI JAIS (Berbaju putih Bersampin/berkain Hijau tanpa lencana dan rozek).
- 5.10. Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh di dipertimbangkan penyertaan oleh penyelaras Dewan.
- 5.11. Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 5.12. Keputusan hakim adalah **muktamad**.

6. **SYARAHAN BAHASA MELAYU.(SRAI & KAFAI)**

- 6.1. Setiap daerah diwakili oleh seorang (1) murid lelaki dan seorang (1) murid perempuan.
- 6.2. Peserta terdiri daripada murid tahap dua berumur sepuluh (10) hingga dua belas (12) tahun yang didaftarkan di salah sebuah **SRAI & KAFAI di Negeri Selangor Darul Ehsan**.
- 6.3. Peserta bebas memilih salah satu tajuk yang ditetapkan seperti berikut :

TAJUK SYARAHAN SRAI

1. GENERASI AL QURAN PENYELAMAT UMMAH
2. CIRI-CIRI PENGHUNI SYURGA
3. ILMU ASAS KECEMERLANGAN NEGARA

TAJUK SYARAHAN KAFAI (**LELAKI**)

1. ALQURAN PENCETUS INOVASI
2. RASULULLAH MODEL UMMAH
3. MEMELIHARA HAK ALLAH

TAJUK SYARAHAN KAFAI (**PEREMPUAN**)

1. GENERASI AL QURAN PENYELAMAT UMMAH
2. CIRI-CIRI PENGHUNI SYURGA
3. ILMU ASAS KECEMERLANGAN NEGARA

- 6.4. Peserta akan menyampaikan persembahan mengikut giliran yang telah diundi oleh pengurus atau peserta sendiri. Undian tidak boleh ditukar ganti. Peserta yang lewat akan diundi oleh urusetia.
- 6.5. Teks syarahan yang disediakan secara kemas hendaklah disampaikan kepada urusetia satu (1) minggu sebelum pertandingan dijalankan. Teks yang telah dihantar akan dianggap sebagai teks rasmi pertandingan dan tidak boleh ditukar ganti.
- 6.6. Guru tidak dibenarkan membantu dan memberikan sebarang arahan secara lisan atau bahasa badan kepada peserta dalam bilik pertandingan.
- 6.7. Masa yang diperuntukan bagi setiap peserta ialah **tujuh (7) minit**.
- 6.8. Syarahan yang disampaikan tidak menyentuh isu-isu sensitif.
- 6.9. Peserta hendaklah memakai pakaian rasmi SRA/ SRAI JAIS (Berbaju putih Bersampin/berkain Hijau tanpa lencana dan rozek).
- 6.10. Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh di dipertimbangkan penyertaan oleh penyelarasan Dewan.
- 6.11. Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 6.12. Keputusan hakim adalah **muktamad**.

7. SYARAHAN BAHASA ARAB

- 7.1. Setiap daerah diwakili oleh seorang (1) murid lelaki seorang (1) murid perempuan sahaja.
- 7.2. Peserta terdiri daripada murid tahap dua berumur sepuluh (10) hingga dua belas (12) tahun yang didaftarkan di salah sebuah **SRA/ SRAI/ KAFAI/ SRI di Negeri Selangor Darul Ehsan**.
- 7.3. Peserta bebas memilih salah satu tajuk yang ditetapkan seperti berikut :
 1. **GENERASI AL QURAN PENYELAMAT UMMAH**
 2. **CIRI-CIRI PENGHUNI SYURGA**
 3. **ILMU ASAS KECEMERLANGAN NEGARA**

- 7.4 Peserta akan menyampaikan persembahan mengikut giliran yang diundi oleh pengurus atau peserta sendiri. Undian tidak boleh ditukar ganti. Peserta yang lewat akan diundi oleh urusetia.
- 7.5 Teks syarahan yang disediakan secara kemas hendaklah disampaikan kepada urusetia satu (1) minggu sebelum pertandingan dijalankan. Teks yang telah dihantar akan dianggap sebagai teks rasmi pertandingan dan tidak boleh ditukarganti.
- 7.6 Guru tidak dibenarkan membantu dan memberikan sebarang arahan secara lisan atau bahasa badan kepada peserta dalam bilik pertandingan.
- 7.7 Masa yang diperuntukkan bagi setiap peserta ialah **tujuh (7) minit**.
- 7.8 Syarahan yang disampaikan tidak menyentuh isu-isu sensitif
- 7.9 Peserta hendaklah memakai pakaian rasmi SRA/ SRAI JAIS (Berbaju putih Bersampin/berkain Hijau tanpa lencana dan rozek)
- 7.10 Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh di pertimbangkan penyertaan oleh penyelaras Dewan.
- 7.11 Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 7.12 Keputusan hakim adalah **muktamad**.

8. RAWI DAN MARHABAN

1. GENERASI AL QURAN PENYELAMAT UMMAH
2. CIRI-CIRI PENGHUNI SYURGA
3. ILMU ASAS KECEMERLANGAN NEGARA

9. TILAWAH AL QURAN. (2 BAHAGIAN. 1.SRA/SRAI/SRI 2. KAFAI)

- 9.1 Setiap daerah diwakili oleh seorang (1) murid lelaki dan seorang (1) murid perempuan.
- 9.2 Peserta terdiri daripada murid tahap dua berumur sepuluh (10) hingga dua belas (12) tahun yang didaftarkan di salah sebuah SRA/ SRAI/ KAFai/ SRI di Negeri Selangor Darul Ehsan.

9.3 Peserta dikehendaki membaca salah satu surah yang ditetapkan seperti berikut :

Surah Al Baqarah : Ayat 195
Surah An Nisa' : Ayat 01
Surah Al An'am : Ayat 01
Surah Yunus : Ayat 99
Surah Al Hijr : Ayat 01

9.4 Peserta akan menyampaikan bacaan mengikut giliran yang diundi oleh pengurus atau peserta sendiri. Undian tidak boleh ditukar ganti. Peserta yang lewat akan diundi oleh urusetia.

9.5 Masa yang diperuntukkan bagi setiap peserta ialah lapan (8) minit dan isyarat loceng yang pertama akan dibunyikan pada minit yang keenam (6)

9.6 Peserta hendaklah memakai pakaian rasmi SRA/ SRAI JAIS (Berbaju putih Bersampin/berkain Hijau tanpa lencana dan rozek)

9.7 Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh di dipertimbangkan penyertaan oleh penyelaras Dewan.

9.8 Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.

9.9 Keputusan hakim adalah muktamad.

10. KHUTBAH JUMAAT

10.1 Setiap daerah diwakili oleh seorang peserta yang terdiri daripada murid lelaki tahap dua (2) yang didaftarkan di salah sebuah **SRA/ SRAI/ KAFAI/ SRI di Negeri Selangor Darul Ehsan.**

10.2 Peserta bebas memilih salah satu tema khutbah seperti berikut

10.2.1 CIRI-CIRI PEMIMPIN YANG BAIK

10.2.2 KEPERLUAN ZIKIR DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN

10.2.3 SEDEKAH MENJANA KESEJAQHTERAAN AKHIRAT

10.2.4 AURAT MEMBENTUK KEPERIBADIAN MUSLIM

10.3 Perlaksanaan seperti berikut :



- 10.4 Khutbah yang disampaikan hendaklah memenuhi rukun khutbah.
- 10.5 Teks khutbah **hendaklah menggunakan teks asal yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Selangor** dan boleh diringkaskan mengikut kesesuaian masa. Teks Khutbah hendaklah disampaikan kepada urusetia satu (1) minggu sebelum pertandingan dijalankan dan dianggap sebagai teks rasmi pertandingan dan tidak boleh ditukarganti.
- 10.6 Peserta dikehendaki memakai Jubah yang bersesuaian dengan acara. **Tongkat disediakan oleh penganjur.**
- 10.7 Peserta akan menyampaikan persembahan mengikut giliran yang diundi oleh pengurus atau peserta sendiri. Undian tidak boleh ditukar ganti. Peserta yang lewat akan diundi oleh urusetia.
- 10.8 Masa yang diperuntukkan bagi setiap kumpulan ialah **Sepuluh (10) minit.**
- 10.9 Guru tidak dibenarkan membantu dan memberikan sebarang arahan secara lisan atau bahasa badan kepada peserta dalam bilik pertandingan.
- 10.10 Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh dipertimbangkan penyertaan oleh penyelaras Dewan
- 10.11 Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 10.12 Keputusan hakim adalah **muktamad.**

10 MENULIS KHAT

- 11.1 Setiap daerah diwakili oleh 4 orang peserta yang terdiri daripada dua (2) orang murid lelaki dan dua (2) orang murid perempuan.
- 11.2 Peserta terdiri daripada 2 orang murid tahap satu (L dan P) berumur tujuh (7) hingga sembilan (9) tahun dan 2 orang murid tahap dua (L dan P) berumur sepuluh (10) hingga dua belas (12) tahun yang didaftarkan di salah sebuah **SRA/ SRAI/ KAFAI/ SRI di Negeri Selangor Darul Ehsan.**
- 11.3 Peserta tahap satu (1) dikehendaki menggunakan **pensel 2B (bukan mekanikal) dan kertas lukisan**, manakala peserta tahap dua (2) dikehendaki menggunakan **alat tulis (resam / pen kaligrafi khat) yang berdakwat hitam serta kertas saiz A3 (Art paper).** Lapik dan peralatan yang berkaitan hendaklah disediakan oleh peserta sendiri.

- 11.4 Peserta tidak dibenarkan membawa sebarang bahan rujukan dan penggunaan 'blok'.
- 11.5 Peserta dikehendaki menulis semula petikan ayat di bawah dengan menggunakan kaedah **Khat Nasakh** pada kertas yang akan disediakan oleh penganjur.

TAHAP 1 :AYAT HADIS ARBAIN:

مَنْ أَحَدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ .

رواه البخاري ومسلم

Siapa yang mengada-ada dalam urusan (agama) kami ini yang bukan (berasal) darinya, maka dia tertolak.

TAHAP 2;

عَنْ أَبِي يَعْلَى شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَةَ وَلْيُحِدَّ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ وَلْيُرِحْ ذَيْبِحَتَهُ (رواه المسلم)

Sesungguhnya Allah telah menetapkan perbuatan baik (ihsan) atas segala sesuatu .Jika kalian membunuh maka berlakulah baik dalam hal tersebut.Jika kalian menyembelih berlakulah baik dalam hal itu, hendaklah kalian mengasah pisaunya dan menyenangkan haiwan sembelihannya.

(Riwayat Muslim)

- 11.6. Masa yang diperuntukkan selama **satu setengah jam (1 ½)** sahaja.
- 11.7 Segala bentuk corak dan awan larat yang dipaparkan dikira sebagai seni dan kreatif. Peserta dilarang menggunakan blok.
- 11.8 Peserta hendaklah memakai pakaian rasmi SRA/ SRAI JAIS (Berbaju putih Bersampin/berkain Hijau tanpa lengana dan rozek)
- 11.9 Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh di dipertimbangkan penyertaan oleh penyelaras Dewan.
- 11.10 Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 11.11 Keputusan hakim adalah **muktamad**.

12. MENULIS JAWI ACARA KAFAI

- 12.1 Terbuka kepada semua murid-murid yang mengikuti kelas Al Quran dan Fardhu Ain (KAFA), Jabatan Agama Islam Selangor.
- 12.2 Tulisan jawi yang dikehendaki adalah yang menepati tulisan jawi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- 12.3 Peserta akan menulis berdasarkan teks yang disediakan.
- 12.4 Peserta mestilah berumur tidak melebihi 12 tahun dan tidak kurang dari 7 tahun.
- 12.5 Sekolah hanya dibenarkan menghantar Satu (1) orang wakil sahaja (Peserta terdiri daripada salah seorang samada lelaki *atau* perempuan)
- 12.6 Peserta hendaklah memakai pakaian rasmi KAFAI JAIS (Berbaju putih Bersampin/berkain Hijau tanpa lencana dan rozek)
- 12.7 Sebarang alat tulis dan dakwat dibawa oleh peserta.
- 12.8 Kertas akan disediakan oleh urusetia pertandingan.
- 12.9 Sekeping kertas sahaja akan dibekalkan bagi kertas yang rosak, setelah mencukupi sebarang kerosakan atau kekotoran pada kertas ditanggung oleh peserta sendiri (hanya 2 Kertas tambahan yang dibekalkan bagi kertas yang rosak, setelah mencukupi sebarang kerosakan atau kekotoran pada kertas ditanggung oleh peserta sendiri).
- 12.10 Peserta tidak dibenarkan meminjam dari peserta lain sebarang peralatan semasa pertandingan.
- 12.11 Masa yang diperuntukkan adalah 2 jam (2 jam 00 minit)
- 12.12 Pertandingan akan ditamatkan sebaik sahaja masa yang telah ditetapkan telah cukup
- 12.13 Pemarkahan bagi pertandingan ini akan dinilai dari 2 sudut
- 12.13.1 Ejaan dan kekemasan : 60 markah
- 12.13.2 Tulisan dan kebersihan : 40 markah

12.14 Aspek Ejaan dan Tulisan

- Ejaan mengikut ejaan jawi yang dimurnikan keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Betul semua perkataan yang ditulis
- Ejaan Nampak teratur, kemas dan tersusun

12.15 Aspek Tulisan dan Kebersihan

- Tulisan yang kemas dan boleh dibaca dengan baik
- Setiap tulisan menunjuk bentuk huruf yang jelas dan sempurna
- Tiada kesan tulisan yang dipadam.
- Tulisan yang tidak jelas dan samar-samar.

12.16 Bagi setiap kesalahan di bawah akan dipotong satu markah dan tiada pemotongan markah bagi kesalahan sama yang lebih dari dua kesalahan

- Tertinggal perkataan
- Awan larat yang keterlaluan
- Menggunakan warna yang pelbagai yang menenggelamkan tulisan
- Tulisan jawi tidak boleh dibaca
- Awan larat merosakkan tulisan Khat
- Ejaan yang silap dan bercampur ejaan lama / baru
- Tidak menepati ejaan Jawi Dewan Bahasa & Pustaka

12.17 Juara acara berdasarkan jumlah markah tertinggi

12.18 Pemilihan Pemenang Pertandingan

- 12.18.1 Johan / tempat pertama bagi setiap acara akan diberikan 10 markah bonus bagi pengiraan johan keseluruhan.

12.18.2 Naib Johan / tempat kedua bagi setiap acara akan diberikan 8 markah bonus bagi penggiraan johan keseluruhan.

12.18.3 Tempat ketiga bagi setiap acara akan diberikan 5 markah bonus bagi penggiraan johan keseluruhan.

12.19 Bagi dua (2) kesalahan dibawah, penyertaan akan terbatal dan tidak diadili

- Menulis teks yang tiada dalam pertandingan
- Didapati meniru tidak akan diadili penyertaannya

13. AZAN DAN IQAMAH

13.1 Peserta akan menyampaikan persembahan mengikut giliran yang telah diundi oleh pengurus atau peserta sendiri. Undian tidak boleh ditukar ganti. Peserta yang lewat akan diundi oleh urusetia.

13.2 Pelaksaaan seperti berikut :

◀ Tasbih → Azan → Iqamah → Doa

13.3 Masa yang diperuntukkan bagi setiap kumpulan ialah **tujuh(7) minit** .

13.4 Peserta hendaklah memakai pakaian rasmi SRA/ SRAI JAIS (Berbaju putih Bersampin Hijau tanpa lencana dan rozek)

13.5 Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh di dipertimbangkan penyertaan oleh Penyelaras Dewan.

13.6 Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.

13.7 Keputusan hakim adalah **muktamad**.

14. SOLAT JENAZAH

- 14.1 Setiap daerah diwakili oleh satu (1) kumpulan murid lelaki dan satu (1) kumpulan murid perempuan.
- 14.2 Setiap kumpulan dianggotai oleh lima (5) orang peserta yang terdiri daripada murid tahap Dua (2) yang didaftarkan di salah sebuah **SRA/ SRAI/ KAFAI/SRI di Negeri Selangor Darul Ehsan**.
- 14.3. Pelaksanaan seperti berikut :-
- i. Peserta dikehendaki mengangkat model jenazah ke dewan pertandingan (model disediakan penganjur dan siap dikafankan).
 - ii. Pemarkahan diberi bermula daripada mengangkat model jenazah ke dalam dewan pertandingan sehingga dibawa keluar.
 - iii. Peserta dikehendaki melaksanakan solat jenazah dengan bacaan secara jahar bersama-sama sehinggalah salam
 - iv. Imam membaca doa.
 - v. Peserta dikehendaki membawa model jenazah keluar dari dewan pertandingan.
- 14.4 Semua bacaan oleh imam dan makmum hendaklah dibaca dengan jahar (lantang / jelas) secara bersama-sama
- 14.5 Peserta akan menyampaikan persembahan mengikut giliran yang diundi oleh pengurus atau peserta sendiri. Undian tidak boleh ditukar ganti. Peserta yang lewat akan diundi oleh urusetia.
- 14.6 Peserta hendaklah memakai pakaian rasmi SRA/ SRAI JAIS (Berbaju putih bersampin/berkain Hijau tanpa lencana dan rozek).
- 14.7 Guru tidak dibenarkan membantu dan memberikan sebarang arahan secara lisan atau bahasa badan kepada peserta dalam bilik pertandingan.
- 14.8 Masa yang diperuntukkan bagi setiap kumpulan ialah **sepuluh (10) minit**
- 14.9 Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh di dipertimbangkan penyertaan oleh Penyelaras Dewan.
- 14.10 Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 14.11 Keputusan hakim adalah **muktamad**.

15. BERCERITA DARI ALQURAN (BAHASA INGGERIS)

- 15.1 Setiap daerah diwakili oleh seorang (1) peserta lelaki dan seorang (1) peserta perempuan.
- 15.2 Peserta terdiri daripada seorang murid tahap dua (2) yang berumur sepuluh (10) tahun hingga duabelas (12) tahun yang didaftarkan di salah sebuah Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di Negeri Selangor Darul Ehsan.
- 15.3 Peserta bebas memilih tajuk yang berkaitan dengan petikan ayat-ayat Al Quran.
- 15.4 Peserta akan menyampaikan cerita mengikut giliran yang telah diundi oleh pengurus atau peserta sendiri. Undian tidak boleh ditukar ganti. Peserta yang lewat akan diundi oleh urusetia.
- 15.5 Masa yang diperuntukkan bagi setiap kumpulan ialah **tujuh(7) minit** .
- 15.6 Guru tidak dibenarkan membantu dan memberikan sebarang arahan secara lisan atau bahasa badan kepada peserta dalam bilik pertandingan.
- 15.7 Peserta dibenarkan menggunakan alat bantu.
- 15.8 Teks cerita hendaklah disampaikan kepada urusetia satu (1) minggu sebelum pertandingan dijalankan. Teks yang telah dihantar akan dianggap sebagai teks rasmi pertandingan dan tidak boleh ditukarganti.
- 15.9 Peserta dibenarkan berpakaian bebas mengikut syarak.
- 15.10 Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh di dipertimbangkan penyertaan oleh Penyelaras Dewan.
- 15.11 Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 15.12 Keputusan hakim adalah **muktamad**.

16. KUIZ

- 16.1 Setiap daerah diwakili oleh dua (2) orang peserta lelaki dan dua (2) peserta perempuan.
- 16.2 Peserta terdiri daripada seorang murid tahap dua (2) yang berumur sepuluh (10) tahun hingga dua belas (12) tahun yang didaftarkan di salah sebuah **Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di Negeri Selangor Darul Ehsan**.
- 16.3 Soalan akan disediakan dan disiapkan oleh penyelaras soalan.
- 16.4 Pertandingan dijalankan sebanyak enam (6) pusingan.
- 16.4.1 Pusingan pertama : Bahasa Melayu
 - 16.4.2 Pusingan kedua : Matematik
 - 16.4.3 Pusingan ketiga : Bahasa Inggeris
 - 16.4.4 Pusingan keempat : Sains
 - 16.4.5 Pusingan kelima : Akhlak/ Sirah dan Tajwid
 - 16.4.6 Pusingan keenam : Tauhid/ Feqah dan Bahasa Arab
- 16.5 Setiap soalan akan dibaca sebanyak dua (2) kali.
- 16.6 Jawapan yang diterima hanya sekali sahaja dalam tempoh tiga puluh (30) saat dan pembantu lima belas (15) saat sahaja.
- 16.7 Setiap jawapan yang betul akan diberi tiga (3) markah dan pembantu satu (1) markah.
- 16.8 Kesemua soalan berbentuk objektif dan para peserta dikehendaki menjawab A, B, C dan D menggunakan jawapan yang disediakan dengan kaedah angkat dan sebut.
- 16.9 Setiap pusingan terdapat empat puluh (40) soalan dan peserta boleh memilih soalan mengikut nombor soalan yang diinginkan.
- 16.10 Peserta dilarang sama sekali berbincang atau memberi jawapan kepada peserta yang sedang menjawab.
- 16.11 Pemenang dikira berdasarkan kumpulan yang mendapat markah yang tinggi.

- 16.12 Sekiranya terdapat markah yang sama untuk menentukan tempat pertama, kedua dan ketiga, tiga soalan akan dikemukakan (**1-BM, 1-Math, 1-BI**) menggunakan kaedah siapa cepat. Sekiranya ada kumpulan yang dapat menjawab dengan cepat tetapi jawapan yang diberikan salah, maka soalan akan dibuka kepada kumpulan lain.
- 16.13 Soalan akan diambil daripada sukatan pelajaran **UPSR dan PSRA**.
- 16.14 Guru tidak dibenarkan membantu dan memberikan sebarang arahan secara lisan atau bahasa badan kepada peserta dalam bilik pertandingan.
- 16.15 Peserta hendaklah memakai pakaian rasmi SRA/ SRAI JAIS (Berbaju putih Bersampin Hijau tanpa lencana dan rozek)
- 16.16 Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh di dipertimbangkan penyertaan oleh Penyelaras Dewan.
- 16.17 Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 16.18 Keputusan hakim adalah **mutamad**.

(ACARA TERBUKA)

17. APLIKASI KOMPUTER

- 17.1 Setiap **Daerah** akan diwakili oleh dua (2) peserta sama ada lelaki atau perempuan.
- 17.2 Peserta terdiri daripada murid tahap dua (2) berumur sepuluh (10) tahun hingga dua belas (12) tahun yang didaftarkan di salah sebuah **Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di Negeri Selangor Darul Ehsan**.
- 17.3 Peserta dikehendaki membawa komputer riba (laptop), printer berwarna dan wayar penyambung dari sekolah masing-masing untuk acara yang akan dipertandingkan.
- 17.4 Peserta akan membuat satu lukisan poster yang bertajuk "**KAMPUNGKU INDAH DAN PERMAI**" dengan menggunakan perisian **'Paint'** sahaja. Peserta tidak dibenarkan menggunakan perisian-perisian lain.
- 17.5 Ciri-ciri poster menggunakan teknik komputer:
- 17.5.1 Menyampaikan mesej secara tepat, jelas dan berkesan.
- 17.5.2 Idea utama disampaikan dalam bentuk imej atau tipografi (seni menyusun atur).

- 17.5.3 Mesej perlu tepat dan terang.
- 17.5.4 Menggunakan muka taip (bentuk tulisan) atau seni huruf yang tepat dengan saiz yang bersesuaian.
- 17.5.5 Menarik perhatian ramai.
- 17.6 Masa yang diperuntukan bagi peserta adalah selama satu jam tiga puluh minit (1jam 30 minit).
- 17.7 Peserta bebas menggunakan sebarang alatan (*Paint Tools*) yang disediakan seperti *Free-Form Select, Select, Eraser, Fill With Color, Pick Color, Magnifier, Pencil, Brush, Airbrush, Text, Line, Curve, Rectangle, Polygon, Ellipse, Rounded Rectangle*.
- 17.8 Saiz lukisan (*scaling*) poster yang dibenarkan di dalam perisian *Paint* ialah dalam bentuk *Landscape* 1 muka surat sahaja (*Fit to 1 by 1 page*) berdasarkan saiz A4.
- 17.9 Penghakiman akan dibuat berdasarkan **konsep lukisan poster, Ketepatan tajuk, muka taip, gabungan warna (kemahiran ton warna), dan kreativiti peserta.**
- 17.10 Peserta adalah **dilarang sama sekali** mengambil objek-objek, gambar, grafik, imej atau membuka semula lukisan poster yang telah disiapkan terlebih dahulu di dalam laptop masing-masing.
- 17.11 Peserta dibenarkan menggunakan tetikus (mouse) tambahan sahaja sekiranya perlu. Pen elektronik atau tablet pendigital dilarang digunakan sama sekali. Peserta dibenarkan membawa hasil contoh lukisan poster di atas sehelai kertas sebagai panduan dan rujukan.
- 17.12 Peserta hendaklah memakai pakaian rasmi SRAI JAIS (Baju hari Isnin hingga Khamis)
- 17.13 Guru tidak dibenarkan membantu dan memberikan sebarang arahan secara lisan atau bahasa badan kepada peserta dalam bilik pertandingan.
- 17.14 Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh di dipertimbangkan penyertaan oleh Penyelaras Dewan.
- 17.15 Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 17.6 Bantahan dan rayuan tidak akan diterima Keputusan **hakim** adalah **muktamad**.

18. CHORAL SPEAKING

- 18.1 Setiap sekolah diwakili oleh satu kumpulan yang disertai dua puluh (20) peserta, 10 peserta lelaki dan 10 peserta perempuan.
- 18.2 Setiap kumpulan terdiri daripada sepuluh orang murid tahap dua (2) dan sepuluh orang murid tahap satu (1) yang berumur tujuh (7) tahun hingga duabelas (12) tahun yang didaftarkan di salah sebuah Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di Negeri Selangor Darul Ehsan.
- 18.3 Setiap kumpulan dikehendaki menyediakan seorang 'konduktor' yang terdiri daripada salah seorang ahli kumpulan
- 18.4 Peserta bebas memilih tajuk yang **bertemakan**;
 - 18.4.1 Alam Persekolahan
 - 18.4.2 Berakhlak Mulia
 - 18.4.3 Tadabbur Al Quran
- 18.5 Tajuk yang dipersembahkan hendaklah bebas dari sebarang unsur yang sensitif berkaitan perkauman, politik dan lain-lain perkara yang bercanggah dengan budaya timur dan Islam
- 18.6 Peserta akan menyampaikan persembahan mengikut giliran yang telah diundi oleh pengurus atau peserta sendiri. Undian tidak boleh ditukar ganti. Peserta yang lewat akan diundi oleh urusetia.
- 18.7 Masa yang diperuntukkan bagi setiap kumpulan ialah LAPAN (8) MINIT.
- 18.8 Guru tidak dibenarkan membantu dan memberikan sebarang arahan secara lisan atau bahasa badan kepada peserta dalam bilik pertandingan.
- 18.9 **Peserta tidak dibenarkan menggunakan alat bantu termasuk peralatan elektronik**
- 18.10 Teks cerita hendaklah disampaikan kepada urusetia satu (1) minggu sebelum pertandingan dijalankan. Teks yang telah dihantar akan dianggap sebagai teks rasmi pertandingan dan tidak boleh ditukar ganti.
- 18.11 Peserta hendaklah memakai pakaian rasmi SRAI JAIS (Baju hari Isnin hingga Khamis). **Penggunaan sarung tangan hanya untuk *instruktur* sahaja dibenarkan (putih sahaja) .**

- 18.12 Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 18.13 Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh didipertimbangkan penyertaan oleh Penyelaras Dewan.
- 18.14 Keputusan hakim adalah **muktamad**.

19. KALAM JAMA'IE

- 19.1 Setiap daerah diwakili oleh satu kumpulan yang disertai dua puluh (20) peserta iaitu sepuluh (10) lelaki dan Sepuluh (10) perempuan.
- 19.2 Setiap kumpulan terdiri daripada dua puluh orang murid tahap dua (2) yang didaftarkan di salah sebuah **SRA/ SRAI/ KAFAI/ SRI di Negeri Selangor Darul Ehsan**.
- 19.3 Peserta bebas memilih tajuk yang
- 19.3.1 Alam Persekolahan**
 - 19.3.2 Berakhlak Mulia**
 - 19.3.3 Tadabbur Al Quran**
- 19.4 Tajuk yang dipersembahkan hendaklah bebas dari sebarang unsur yang sensitif berkaitan perkauman, politik dan lain-lain perkara yang bercanggah dengan budaya timur dan Islam.
- 19.5 Peserta akan menyampaikan persembahan mengikut giliran yang telah diundi oleh pengurus atau peserta sendiri. Undian tidak boleh ditukar ganti. Peserta yang lewat akan diundi oleh urusetia.
- 19.6 Masa yang diperuntukkan bagi setiap kumpulan ialah LAPAN (8) MINIT.
- 19.7 Guru tidak dibenarkan membantu dan memberikan sebarang arahan secara lisan atau bahasa badan kepada peserta dalam bilik pertandingan .
- 19.8 **Peserta tidak dibenarkan menggunakan alat bantu.**
- 19.9 Teks cerita hendaklah disampaikan kepada urusetia satu (1)minggusebelum pertandingan dijalankan. Teks yang telah dihantar akan dianggap sebagai teks rasmi pertandingan dan tidak boleh ditukar ganti.
- 19.10 Peserta hendaklah memakai pakaian rasmi SRA/ SRAI JAIS (Berbaju putih bersampin atau berkain hijau tanpa lencana dan rozek).
- 19.11 Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 19.12 Keputusan hakim adalah **muktamad**.

20. PIDATO

- 20.1 Setiap daerah diwakili oleh seorang (1) murid lelaki dan seorang (1) murid perempuan.
- 20.2 Peserta terdiri daripada murid tahap dua berumur sepuluh (10) hingga dua belas (12) tahun yang didaftarkan di salah sebuah **SRA/SRAI/ KAFAI/ SRI di Negeri Selangor Darul Ehsan.**
- 20.3 Peserta bebas memilih salah satu tajuk seperti kettetapan berikut:-
- 20.3.1 ALAM SEKITAR PENJANA KEBAHAGIAAN HIDUP DUNIA DAN AKHIRAT**
- 20.3.2 PENGHAYATAN AL QURAN DALAM KEHIDUPAN**
- 20.3.3 YANG TUA DI HORMATI YANG MUDA DISAYANGI**
- 20.4 Peserta akan menyampaikan persembahan mengikut giliran yang telah diundi oleh pengurus atau peserta sendiri. Undian tidak boleh ditukar ganti. Peserta yang lewat akan diundi oleh urusetia.
- 20.5 Teks pidato yang disediakan secara kemas hendaklah disampaikan kepada urusetia satu (1) minggu sebelum pertandingan dijalankan. Teks yang telah dihantar akan dianggap sebagai teks rasmi pertandingan dan tidak boleh ditukarganti.
- 20.6 Masa yang diperuntukan bagi setiap peserta ialah **tujuh (7) minit**
- 20.7 Guru tidak dibenarkan membantu dan memberikan sebarang arahan secara lisan atau bahasa badan kepada peserta dalam bilik pertandingan.
- 20.8 Isi pidato yang disampaikan tidak menyentuh isu-isu sensitif.
- 20.9 Peserta hendaklah memakai pakaian rasmi **SRA/ SRAI JAIS** (Berbaju putih Bersampin/berkain Hijau tanpa lencana dan rozek)
- 20.10 Peserta yang lewat hadir atas sebab yang munasabah boleh di dipertimbangkan penyertaan oleh Penyelaras Dewan.
- 20.11 Peserta tidak dibenarkan menyertai acara lain.
- 20.12 Keputusan hakim adalah **muktamad**

**PERATURAN AM & BORANG BANTAHAN
PROGRAM KEMAHIRAN AMAL ISLAMI
SRA/SRAI/KAFAI/PRA SEKOLAH JAIS NEGERI SELANGOR**

1. PENGELOLAAN

Program Kemahiran Amal Islami SRA/SRAI/KAFAI/PRA Sekolah JAIS adalah di bawah Unit Kokurikulum Sektor Pembangunan Kemanusiaan Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Selangor.

Pengelolaan program ini diurusetikan oleh Jawatankuasa Penyelaras Kemahiran Amal Islami SRA/SRAI/KAFAI/PRA Sekolah JAIS Negeri Selangor yang terdiri dari Penolong Pegawai Agama Islam daerah, Penyelia daerah, Guru Besar dan tuan rumah adalah dibuat secara giliran di setiap daerah di dalam Negeri Selangor.

2. UNDANG-UNDANG

Peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Kemahiran Amal Islami SRA/SRAI/KAFAI/PRA Sekolah JAIS Negeri Selangor.

2.1 Kelayakan

Semua murid-murid yang bersekolah di sekolah-sekolah yang telah berdaftar dibawah JAIS.

2.2 Had Umur Peserta

- i) Murid-murid Pra Sekolah mestilah berumur 5 atau 6 tahun sahaja,
- ii) Murid-murid bagi kategori SRA/SRAI/KAFAI hendaklah berumur 7 tahun hingga 12 tahun sahaja.

2.3 Pendaftaran

i) Senarai pendaftaran peserta hendaklah dihantar kepada urusetia pelaksana selewat-lewatnya 2 minggu sebelum program bermula dengan format seperti berikut :

- Nama Penuh (rumi)
- My Kid
- Tarikh Lahir

ii) Sebarang pertukaran peserta hendaklah diberitahu kepada urusetia pelaksana dengan kadar segera.

2.4 Pakaian

i) Waktu pertandingan hendaklah mengikut peraturan khas yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Kemahiran Amal Islami SRA/SRAI/KAFAI/PRA Sekolah JAIS Negeri Selangor.

ii) Waktu Perasmian penutup hendaklah memakai pakaian Rasmi Sekolah.

2.5 Disiplin dan Tingkahlaku

Hendaklah mengikut peraturan khas yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Kemahiran Amal Islami SRA/SRAI/KAFAI/PRA sekolah JAIS Negeri Selangor.

2.6 Sistem Pertandingan

Hendaklah mengikut peraturan khas yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyelaras Kemahiran Amal Islami SRA/SRAI/KAFAI/PRA sekolah JAIS Negeri Selangor.

2.7 Penentuan Pemenang

- i) Keputusan akan dikeluarkan oleh Jemaah Hakim/Juri/Panel Juri
(Segala Keputusan adalah Muktamad)
- ii) Penentuan Johan Keseluruhan berdasarkan pengiraan mata yang tertinggi dari jumlah pencapaian yang diperolehi.

Pencapaian	Jumlah Mata
Johan	5
Naib Johan	3
Ketiga	1

2.8 Menarik Diri dan Menyerah Kalah

Semua pertandingan dijalankan mengikut masa yang telah ditetapkan. Jika nombor undian peserta disebut sebanyak 3 kali dan gagal menghadirkan diri sewaktu pertandingan berjalan, peserta tersebut dianggap menarik diri dan digugurkan dari menyertai pertandingan (Setelah dirujuk kepada Penyelaras Dewan).

3. BANTAHAN

- 3.1 Bantahan hanya boleh dibuat oleh Ketua Kontinjen sahaja
- 3.2 Ketua Kontinjen perlu mengisi borang yang disediakan dan mengembalikan kepada Panel Kehakiman dalam masa SATU jam **setelah tamat acara.**
- 3.3 Borang bantahan perlu ditandatangani dan dicop oleh Ketua Kontinjen beserta bayaran seperti berikut:-

ACARA	KADAR BAYARAN
INDIVIDU	RM 100
KUMPULAN	RM 200

- 3.4 Ketua Kontinjen dan saksi perlu hadir semasa perbincangan dengan panel kehakiman.
- 3.5 Sebarang keputusan yang dibuat hasil perbincangan tersebut adalah muktamad, wang tersebut tidak akan dikembalikan jika didapati bantahan ini tidak berjaya.

4. PANEL JURI RAYUAN

- 4.1 Menyemak pemarkahan pertandingan yang dijalankan.
- 4.2 Mengesahkan pemarkahan pertandingan yang dijalankan.
- 4.3 Sebagai pemutus kepada sebarang bantahan dari segi teknikal yang dibuat oleh Ketua Kontinjen.
- 4.4 Mengesahkan segala keputusan pertandingan
- 4.5 Bertanggungjawab di atas semua keputusan yang diumumkan.
- 4.6 Ahli Panel Rayuan adalah terdiri daripada:-
 - i. Pengerusi Penyelaras Kemahiran Amal Islami SRA/SRAI/KAFAI/PRA Sekolah JAIS Negeri Selangor.
 - ii. Setiausaha Pengerusi Penyelaras Kemahiran Amal Islami SRA/SRAI/KAFAI/PRA Sekolah JAIS Negeri Selangor.
 - iii. Wakil Bahagian Pendidikan Islam JAIS.
 - iv. Pengerusi Biro Kehakiman Jawatankuasa Pelaksana Daerah.
 - v. Penyelaras Teknikal Acara Berkenaan.



**BORANG BANTAHAN
PROGRAM KEMAHIRAN AMAL ISLAMI
SRA/SRAI/KAFAI/PRA SEKOLAH JAIS NEGERI SELANGOR**

(Borang ini hendaklah diisi oleh Ketua Kontinjen sahaja)

Nama Ketua Kontinjen : Daerah :

Nama-nama Saksi :

(1)..... (2).....

KETERANGAN BANTAHAN

Acara : Kategori: (Tahap 1/Tahap 2) (Lelaki/Perempuan)*

Peserta Daerah :

Nombor Undian Peserta (Jika ada) :

Keterangan :

.....

.....

.....

.....

(Tandatangan)

(Cop Ketua Kontinjen)

(Tarikh)

* Potong Yang Tidak Berkenaan

UNTUK KEGUNAAN PANEL KEHAKIMAN SAHAJA

Adalah dengan ini, setelah berbincang dan memutuskan bahawa bantahan yang telah dibuat ini diterima / tidak diterima *.

Catatan :

.....

(Tandatangan Ketua Panel Kehakiman)

Tanda <input type="checkbox"/> Waktu Terima Borang:-	
	SATU Jam Selepas Tamat Acara
	Melebihi SATU Jam Selepas Tamat Acara
Nyatakan Masa	
Tanda <input type="checkbox"/> Acara \ Bayaran	
	INDIVIDU \ RM 100
	KUMPULAN \ RM 200